

Tetamu tak dikenali bertindak agresif serang tuan rumah

7 Mei 2022

## Tetamu tak dikenali bertindak agresif serang tuan rumah

Dua ahli keluarga mangsa cedera, suspek didapati di bawah pengaruh dadah

Oleh Mary Victoria Dass  
bhnews@bh.com.my

**Kota Tinggi:** Kobalkan seorang pemilik rumah memberi minuman serta membenarkan tetamu tidak dikenali menumpang guna tandas rumahnya, bertukar malang apabila lelaki terbabit bertindak agresif menoderakan dua ahli keluarga mangsa dengan parang.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendent Hussein Zamora, berkata kejadian berlaku pagi kelmarin, apabila rumah mangsa terletak di FELDA Bukit Easter, di sini, didatangi lelaki tidak dikenali.

Beliau berkata, lelaki berkenaan meminta air untuk minum sebelum menyatakan mahu menumpang guna tandas untuk membuang air besar.

Katanya, pemilik rumah yang memberi kebenaran kepada lelaki itu untuk menggunakan kemudahan tandas bagaimanapun terkilan apabila lelaki itu cuba memasuki sebuah bilik tidur ahli keluarganya.

"Ketika cuba menghalang perbitan itu, suspek bersikap agresif termasuk menoderakan dua penghuni rumah berkenaan dengan menggunakan parang.

"Dalam kejadian itu, kedua-dua mangsa mengalami cedera ringan dan dirawat di ba-



Suspek ditahan ketika menyerang satu keluarga di FELDA Bukit Easter dengan parang, pagi kelmarin. (Foto ihsan pembaca)

hagian pesakit luar sebuah hospital berhampiran.

"Manakala suspek juga mengalami kecederaan apabila kejadian itu disedari penduduk kampung yang mengambil tindakan sendiri sebelum diserahkan kepada polis. Suspek turut dirujuk ke hospital bagi mendapatkan rawatan," katanya.

Hasniz berkata, suspek didapati dalam keadaan khayal, iaitu dipercayai di bawah pengaruh dadah ketika ke rumah mangsa.

Beliau berkata, berdasarkan siasatan awal, tiada unsur samun dan suspek menggunakan parang milik mangsa.

"Suspek adalah warga tempatan berusia 30 tahun diserahkan kepada polis dan siasatan dilanjutkan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksan kerana mendatangkan kecederaan dengan senjata tajam (parang).

"Kami menasihati orang ramai supaya bertindak menghubung balai polis berhampiran sekiranya ada individu tidak dikenali berlagak-legar di kawasan perumahan dan dalam keadaan mencurigakan. Orang ramai juga dinasihatkan tidak bertindak sendiri dan mematuhi undang-undang ditetapkan," katanya.